

ALOR SETAR, 13 Mac — Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa demokrasi akan hancur jika rakyat mahu menukarkannya kepada sistem pemerintahan yang lebih keras.

Beliau juga mengingatkan bahawa rakyat sendiri akan menderita dan menghadapi kesusahan kalau amalan perhubungan terus antara kerajaan dan rakyat tidak dapat diadakan lagi seperti sekarang.

Beliau juga meminta rakyat membendung perasaan tidak puas hati "kerana ini ada pada semua orang termasuk saya sendiri".

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis dialog pembangunan dan keselamatan anjuran Jabatan Penerangan dan UMNO Bahagian Ulu Muda di Sekolah Menengah Sungai Tiang, 27 batu dari sini pagi ini.

Katanya, "demokrasi akan hancur jika rakyat terpengaruh dengan orang-orang yang mengatakan bahawa sistem pentadbiran kita sekarang perlu ditukar dengan satu sistem yang lebih kasar."

Keistimewaan

Oleh itu seluruh rakyat terutama sekali ahli-ahli UMNO mestilah memahami dengan betul sistem demokrasi yang ada ini supaya ia dapat dikekalkan, ujarnya.

Beliau menambah satu keistimewaan yang terdapat dalam sistem demokrasi kita ini, ialah rakyat sendiri digalakkan berdialog secara terus dengan kerajaan bagi menyuarakan masalah tidak puas hati mereka.

"Sistem berdialog ini tidak terdapat di negara lain termasuk juga negara-negara yang telah maju dan telah lama mengamalkan sistem demokrasi," katanya.

Menyentuh mengenai keselamatan, kata Dr. Mahathir negara kita mampu menghadapi sebarang ancaman musuh.

Kita mempunyai pasukan keselamatan yang cukup dan terlatih dan kita boleh menambah lagi anggota pasukan keselamatan kita untuk menentang komunis.

Musuh negara sekarang tidak berani lagi berdepan secara terang dengan pasukan keselamatan kita yang mempunyai semangat yang ceka! dan berani dalam mempertahankan keselamatan kita.

Beliau juga menyebut bahawa sekarang kerajaan telah menangkap beratus-ratus orang penyokong komunis dan menahan mereka, kerajaan tidak akan berlembut dengan orang-orang yang mengacau keamanan.

Dari segi pembangunan Dr. Mahathir mengajak seluruh rakyat supaya berfikir semula tentang sikap masing-masing terhadap pembangunan.

"Kita perlu membentuk sikap sendiri yang lebih sesuai untuk negara di samping bersyukur dengan nikmat yang telah diperolehi" katanya lagi.

Beliau menyebut masalah tidak puas hati jangan ditimbulkan sangat kerana perkara ini berlaku bukan sahaja di kalangan rakyat malah juga di kalangan wakil rakyat dan beliau sendiri, ujarnya.

Sementara itu ketika berucap di perayaan 30 tahun UMNO Bahagian Jerai Timbalan Perdana Menteri menyelar kaum intelek dari luar bandar yang mendapat pelajaran dan kedudukan tinggi hasil perjuangan UMNO akhirnya tidak mahu kembali ke luar

bandar untuk menolong rakyat.

Katanya, mereka ini menolak untuk menyertai UMNO dan juga enggan kembali ke pangkuan masyarakat luar bandar untuk membantu mereka itu yang miskin dan tidak berpelajaran tinggi.

Menurutnya, kejayaan UMNO adalah hasil sokongan penuh rakyat miskin dari luar bandar yang terdiri dari petani-petani dan nelayan-nelayan sepenuhnya.

Dari kejayaan tersebut maka UMNO dapat berbuat apa sahaja untuk kemajuan negara dan rakyat tanpa mengira kedudukan kaum khususnya mereka yang memerlukan bantuan.

Beliau juga mengingatkan kejayaan yang diperolehi dari UMNO selama ini ialah kerana ia merupakan sebuah parti politik yang kukuh dan bercorak nasional.